

Mengurangkan Risiko Bayaran Berlebihan



Reducing the Risk of Overpayment—Malay

Bayaran berlebihan untuk Family Tax Benefit Part A (Faedah Cukai Keluarga Bahagian A), Family Tax Benefit Part B (Faedah Cukai Keluarga Bahagian B) atau Child Care Benefit (Faedah Penjagaan Anak) mungkin menimbulkan kekhawatiran tetapi penting anda ingat bahawa ini bukan tuduhan melakukan kesalahan.

Bayaran berlebihan kebanyakannya berlaku kerana orang memberi anggaran pendapatan yang kurang. Keluarga mungkin menerima lebih banyak pendapatan pada tahun kewangan tertentu kerana, misalnya, seseorang mendapat pekerjaan dengan gaji yang lebih tinggi, kenaikan gaji, perubahan dalam bayaran sokongan anak, lebih masa tambahan, bonus, atau jika anggota keluarga yang lain mula bekerja.

Anda menghadapi risiko tinggi menerima bayaran berlebihan jika keluarga anda:

- berpendapatan antara \$42,000 hingga 61,000; **atau**
- berpendapatan \$94,000 ke atas; **atau**
- berpendapatan utama \$140,000 ke atas; **atau**
- mempunyai lebih daripada seorang pencari nafkah; **atau**
- terjadi perubahan pendapatan kerana kerja syif yang tidak tetap, lebih masa atau bonus; **atau**
- mempunyai pendapatan yang sukar dianggarkan kerana anda seorang pekerja sambilan, bekerja menurut komisyen atau kontrak, atau telah menerima bonus atau bayaran tamat khidmat; **atau**
- pendapatan adalah daripada perniagaan atau bekerja untuk diri sendiri; **atau**
- termasuk anak yang mungkin berpendapatan \$12,287 ke atas.

Semua kadar pendapatan adalah betul pada 01/07/2008.

Bayaran berlebihan juga berlaku kerana keadaan keluarga berubah dan Family Assistance Office (Pejabat Bantuan Keluarga) tidak diberitahu.

Bagaimana saya mengurangkan risiko bayaran berlebihan?

Pertimbangkan menerima bayaran secara tahunan

Bayaran tahunan untuk Family Tax Benefit dan Child Care Benefit amat mengurangkan risiko menerima bayaran berlebihan. Anda juga boleh menerima kadar asas Family Tax Benefit Part A dan bakinya pada akhir tahun, yang juga mengurangkan risiko menerima bayaran berlebihan.

Jika bayaran Family Tax Benefit setiap dua minggu dan Child Care Benefit sebagai pengurangan biaya terbaik bagi keluarga anda, anda perlu:

Pastikan anggaran pendapatan anda adalah tepat

Dengan segala perubahan yang boleh berlaku dengan keluarga, anda perlu memperhatikan pendapatan anda dan memberitahu Family Assistance Office tentang sebarang perubahan dalam anggaran pendapatan anda. Jika pendapatan anda telah berubah, anda mungkin memerlukan lebih banyak faedah, atau anda mungkin menerima terlalu banyak faedah. Jika anda menerima lebih banyak daripada yang patut, anda akan diminta membayar kembali pada akhir tahun kewangan.

We speak your language ☎ 13 1202

www.familyassist.gov.au



Australian Government
Family Assistance Office

Bayaran berlebihan Faedah Cukai Keluarga dan Faedah Penjagaan Anak mungkin diperoleh kembali daripada bayaran Faedah Cukai Keluarga yang lain, termasuk bayaran tambahan akhir tahun. Bayaran berlebihan Faedah Cukai Keluarga juga mungkin diperoleh kembali daripada pengembalian cukai. Adalah penting sekali anda dan pasangan anda mengajukan laporan cukai anda (atau memberitahu Pejabat Bantuan Keluarga jika anda tidak perlu mengajukan laporan cukai). Semua bayaran berlebihan akan perlu dibayar kembali sepenuhnya.

Jika ada sebarang perubahan, ambil tindakan segera

Ini merupakan perkara terpenting yang perlu anda lakukan untuk membantu Family Assistance Office membayar anda dengan betul.

Inilah senarai periksa untuk jenis perkara yang memberi alasan kepada anda untuk menghubungi Family Assistance Office:

- Perubahan dalam pendapatan keluarga, pekerjaan baru, kembali bekerja, hilang pekerjaan, jam kerja bertambah, kenaikan gaji, keuntungan bertambah daripada perniagaan, dividen pelaburan, semuanya mempengaruhi berapa banyak anda dapat dibayar.
- Perubahan dalam status perkahwinan anda.
- Anda mula atau berakhir menjaga seseorang anak.
- Perubahan bayaran sokongan anak.
- Jika anda keluar dari Australia (termasuk kunjungan singkat dan cuti).
- Perubahan dalam aturan penjagaan anak anda.
- Jika seseorang anak mula atau berhenti bersekolah.
- Jika penjagaan bersama berubah.
- Jika anda berasa bahawa anak anda yang berumur lebih daripada 16 tahun akan berpendapatan \$12,287 ke atas.
- Alamat anda berubah.

Untuk memberitahu Family Assistance Office tentang sebarang perubahan atau untuk maklumat lanjut:

- Hubungilah Family Assistance Office (Pejabat Bantuan Keluarga) pada nombor **13 1202** antara pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Waktu Standard Timur) Isnin hingga Jumaat untuk maklumat dalam bahasa Melayu.
- Kunjungilah tapak web di **www.familyassist.gov.au**
- Sila kunjungi Pejabat Bantuan Keluarga terdekat di pejabat Medicare Australia, Pusat Perkhidmatan Pelanggan Centrelink dan Pejabat Cukai Australia.